

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

08  
JUN

## KEMBARA KE PERKAMPUNGAN ORANG ASLI TINGKAT KESEDARAN KESIHATAN

KUBANG KERIAN, 8 Jun 2015 - Biar pun meredah hutan belantara dengan masa perjalanan hampir 10 jam, misi Kembara Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan Kubang Kerian untuk menyampaikan kesedaran kesihatan kepada masyarakat orang asli di sini berjalan lancar yang melibatkan sama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Kelab Ekspedisi Kelantan (KEK) dan St John Ambulans Malaysia.

Misi tiga hari bermula 5 Jun lalu itu membawa peserta ke dua buah lokasi dengan 12 kenderaan pacuan empat roda (4X4) iaitu Pos Bihai dan Pos Belatim bagi mengadakan program kesihatan kepada masyarakat di pedalaman.

Pakar Perubatan Kecemasan Hospital USM selaku Ketua Projek, Dr. Shaik Farid Abdull Wahab berkata seramai 12 peserta mengambil bahagian yang terdiri dari dalam kalangan pegawai perubatan, pembantu pegawai perubatan, penuntut serta staf sokongan.

"Program ini berusaha mengupayakan golongan terkebahawah dengan membantu masyarakat pedalaman dalam aspek menjaga kesihatan untuk melahirkan masyarakat sihat sejahtera dengan menyediakan kaunter untuk penduduk mendapatkan pemeriksaan kesihatan serta demonstrasi menggosok gigi serta mencuci tangan dengan sempurna kepada kanak-kanak orang asli," kata Shaik Farid.

Sumbangan beras dan pakaian turut dibuat di kedua-dua pos itu serta beberapa buah kampung lain yang sempat disinggahi antaranya Kampung Cemal dan Penusin.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung Persekutuan (JKKKP) Pos Bihai, Mulian Alok, 42, menyifatkan kunjungan dari misi Kembara Kemasyarakatan USM itu adalah satu penghormatan kepada mereka kerana sudi turun padang untuk berjumpa komuniti itu yang menggembirakan 270 penduduk di sini terutamanya kanak-kanak yang menerima pendedahan yang boleh diamalkan seperti yang ditunjukkan melalui demonstrasi yang diadakan. - Teks: Mohamad Iqmal Mathlan/Foto: Wan Mohd Rasidi Wan Mahmud



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015